

Penterjemahan Gaya Bahasa Pengkhususan Dalam Ayat-ayat al-Qur'an al-Karim

Ann Surina Sulaiman¹

Mohd. Zaki Abd Rahman²

ABSTRAK

al-Qur'an al-Karim diturunkan sebagai pedoman untuk manusia sejagat. Namun orang Islam yang tidak mengetahui bahasa Arab hanya dapat memahami kandungan al-Qur'an dan merasai kemukjizatannya dengan merujuk kepada terjemahannya. Oleh itu terjemahan yang baik yang mampu mengekalkan makna dan gaya bahasa yang terdapat dalam teks asal diharapkan boleh membantu mereka. Justeru kajian ini menganalisis sejauh mana gaya bahasa pengkhususan yang merupakan cabang ilmu balaghah dapat diterjemahkan melalui perbandingan tiga buah terjemahan iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman (TPR), al-Qur'an Rasm Uthmani (AQRU) dan Tafsir Nūr al-Ihsān (TNI). Kajian yang berlandaskan kepada kajian perpustakaan ini memilih surah Hūd sebagai data analisis. Kajian ini mendapati (TPR) paling berjaya memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan kerana 95% dari terjemahannya menggunakan kata penegas. Manakala (TNI) dapat menterjemahkan makna pengkhususan sebanyak 90.5% dan (AQRU) pula sebanyak 71.4%. Terjemahan bagi ayat yang menggunakan penafian dan pengecualian dan yang menggunakan partikel *innamā* didapati paling baik dalam menonjolkan makna pengkhususan. Penterjemah al-Qur'an al-Karim harus peka terhadap gaya bahasa pengkhususan yang adakalanya mengandungi unsur tersurat dan tersirat. Penterjemahan al-Qur'an al-Karim di Malaysia sewajarnya melibatkan pakar dalam bahasa Arab yang turut mahir dalam kaedah dan gaya bahasa Melayu serta mendalami teori dan prinsip terjemahan.

Kata kunci: terjemahan, pengkhususan, al-Qur'an al-Karim, balaghah

ABSTRACT

al-Qur'an al-Karim is been revealed as a guide for mankind. But Muslims who do not know Arabic can only understand the contents of the Qur'an and feel the miracles with reference to the translation. Therefore a good translation that can maintain the meaning and style that is contained in the original text can be expected to help them. Thus this study analyzes the extent to which the language style specialization balaghah a branch of science can be translated by a comparison of three translations of the Governing Tafsir al-Rahman (TPR), Uthmani Rasm al-Qur'an (AQRU) and Tafsir al-Nur Ihsan (TNI) , The study was based on literature review it surah Hud as data analysis. The study found (TPR) of the most successful shows stylistic specialization as 95% of the translation used the word confirmation. While (TNI) can interpret the meaning and specialization of 90.5% (AQRU) was 71.4%. The translation of the verses that use disclaimers and exclusions and the use of best available

1 Ann Surina Sulaiman, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, surayya2002@gmail.com.

2 Mohd. Zaki Abd Rahman, PhD, Pensyarah Senior Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, mzakirah@um.edu.my

Innamā particles in highlighting the significance of specialization. Translator al-Qur'an al-Karim must be sensitive to the language style specialization sometimes contain explicit and implicit. Translations al-Qur'an al-Karim in Malaysia should involve experts in Arabic which also proficient in the method and style of the Malay language and explore the theory and principle of translation.

Keywords: translation, specialization, al-Qur'an al-Karim, balaghah

Pengenalan

al-Qur'an al-Karim diturunkan untuk memberi hidayah dan membimbing sekalian manusia tanpa mengira bangsa dan kaum. Bahasa Arab telah dipilih untuk menjadi medium komunikasi bagi al-Qur'an. Justeru, orang yang tidak menguasai bahasa Arab tidak dapat menyingkap maksud ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim kecuali dengan merujuk kepada al-Qur'an terjemahan.

Berkenaan hukum menterjemah al-Qur'an, al-Suyūṭīy (1987:1009) mengatakan bahawa Ibn Qutaybah melarang penterjemahan al-Qur'an dengan tujuan untuk menandingi teks asal dalam bahasa Arab. Namun ulama moden seperti al-Marāghīy menjelaskan penterjemahan yang berbentuk huraian dan penjelasan kepada makna ayat al-Qur'an adalah diharuskan (Mohd Bahauddin, 2006:139).

Pernyataan Masalah

'Aṭr (1993:88) menegaskan seorang penterjemah yang ingin menterjemahkan al-Qur'an bukan setakat perlu mahir dalam bidang-bidang pengajian Islam tetapi perlu mahir dalam selok-belok bahasa Arab yang merangkumi ilmu morfologi, sintaksis dan balaghah. Banyak topik yang terkandung dalam ilmu balaghah tidak terdapat dalam bahasa Melayu, termasuk aspek gaya bahasa pengkhususan. Di sini terletak peranan penterjemah sama ada beliau dapat memindahkan gaya bahasa pengkhususan yang termasuk dalam cabang ilmu balaghah ke dalam terjemahannya atau sebaliknya. Abdullah (2001:71) menjelaskan terjemahan yang baik mesti mengekalkan semua makna yang terkandung dalam teks asal dan mengandungi gaya bahasa yang sama dengan gaya teks asal. Sekiranya terjemahan itu boleh menonjolkan makna pengkhususan, pembaca akan dapat memahaminya lantas mengagumi keunggulan susunan bahasa al-Qur'an. Pemahaman terhadap gaya bahasa pengkhususan membantu pembaca menghayati salah satu dimensi kemukjizatan al-Qur'an al-Karim. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan al-Sakkakiy (2000:615) bahawa kemukjizatan al-Qur'an terletak pada ketinggian faṣāḥah dan kehebatan balaghahnya (pemilihan perkataan dan susunan ayat yang begitu indah serta bersesuaian dengan makna). Memandangkan kepentingan terjemahan yang dapat mencerminkan keaslian nilai keindahan bahasa Arab, khasnya ilmu balaghah, penulis akan mengkaji sejauh mana terjemahan ayat al-Qur'an dapat menyampaikan makna pengkhususan seperti dalam teks asalnya.

Gaya bahasa pengkhususan dalam bahasa Arab bukan setakat menegaskan dan mengukuhkan sesuatu maklumat malah mengkhususkan sesuatu dengan fokus pengkhususan tertentu. Gaya bahasa pengkhususan diterapkan melalui dua langkah, pertama menafikan semua perkara, dan kedua memperakukan perkara yang disebut dalam ayat. Contoh ayat yang mengandungi pengkhususan ialah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ yang maksudnya: "Tidak ada tuhan kecuali Allah". Bahagian pertama ayat لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (tidak ada tuhan) menafikan segala jenis tuhan. Bahagian kedua pula إِلَّا اللَّهُ

(kecuali Allah) memperakui hanya ada satu tuhan iaitu Allah SWT. Proses menafi dan memperakukan ini melibatkan pembatasan makna yang dikenali sebagai pengkhususan.

Impak yang dihasilkan oleh gaya bahasa ini boleh dijelaskan dengan membandingkan kedua-dua ayat berikut:

- a) Ayat $\text{لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ}$ mengandungi pengkhususan dan bermaksud membataskan tuhan itu ialah Allah SWT sahaja.
- b) Ayat اللَّهُ إِلَهٌ (Allah ialah tuhan) hanya memberitahu bahawa Allah ialah tuhan dan kemungkinan wujud tuhan-tuhan lain.

Objektif Kajian

Kajian ini akan menganalisis terjemahan ayat-ayat yang mengandungi aspek gaya pengkhususan melalui perbandingan tiga buah terjemahan iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman (TPR), al-Qur'an Rasm Uthmani (AQRU) dan Tafsir Nūr al-Ihsān (TNI). Penulis juga akan merumuskan gaya setiap penterjemah dalam penterjemahan ayat al-Qur'an yang mengandungi makna pengkhususan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif atau deskriptif yang melibatkan proses pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi gaya pengkhususan dan menganalisis data tersebut. Kajian ini bercorak kajian perpustakaan. Dalam menganalisis data, penulis menggunakan teknik pengiraan yang melibatkan paparan jadual kekerapan ayat yang mengandungi pengkhususan dan bentuk terjemahannya. Terjemahan ayat al-Qur'an dalam tiga buah buku tafsir akan dianalisis tahap ketepatannya dalam memperlihatkan makna pengkhususan. Penulis membuat penilaian berpandukan kepada Teori Dinamis yang dikemukakan oleh Nida (2003:13) dan kaedah yang ditetapkan oleh sarjana balaghah dalam tajuk pengkhususan.

Teori Terjemahan Dinamis yang diasaskan oleh Nida mengandungi lima aspek penting, iaitu:

- a) Penyalinan semula maklumat – Penterjemah melakukan penyesuaian semula pada tatabahasa dan perkataan dalam teks asal.
- b) Persamaan lawan keserupaan – Penterjemah menyalin semula maklumat, bukan menyalin bentuk bagaimana maklumat itu diungkapkan.
- c) Persamaan yang bersahaja – Terjemahan yang baik seharusnya mengandungi ciri-ciri asli yang dipunyai oleh bahasa penerima.
- d) Persamaan terdekat – Penterjemah menterjemah menggunakan persamaan yang paling dekat maknanya dalam bahasa penerima.
- e) Kepentingan gaya – Reaksi yang dialami oleh pembaca setelah membaca terjemahan sepatutnya serupa dengan reaksi yang dialami oleh pembaca teks asal.

Nida turut menekankan keupayaan pembaca dalam membaca terjemahan, bukan diukur dari sudut ayat terjemahan itu betul dari segi tatabahasanya. Keupayaan pembaca diukur mengikut sejauh mana dia mengalami kesan yang sama dengan kesan yang dialami oleh pembaca teks asalnya.

Batasan Kajian

Data yang dianalisis ialah ayat-ayat terpilih yang berkaitan dengan gaya pengkhususan dalam surah Hūd. Kajian ini dilaksanakan dengan membandingkan antara tiga buah terjemahan dan tafsir al-Qur'an iaitu: Tafsir Pimpinan ar-Rahman (TPR) terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih, al-Qur'an Rasm Uthmani (AQRU) jilid 4 terjemahan Ustaz Mahadi Dahlan dan Ustaz Azharuddin Sahil dan Tafsir Nūr al-Ihsān (TNI) terjemahan Haji Mohd. Said b. Omar. Terdapat 42 tempat yang mengandungi pengkhususan dalam surah Hūd, namun penulis hanya membincangkan dan membandingkan beberapa ayat yang memperlihatkan perbezaan yang ketara serta mengandungi persoalan yang menarik.

Definisi Penterjemahan

“Terjemah” adalah perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Menurut Ibn Manzūr (1990:66) “terjemah” bermaksud “proses pemindahan suatu bahasa ke bahasa yang lain”. Abdullah (2001:70) menyebut fungsi terjemahan “seharusnya memberikan gambaran yang jelas tentang segala maksud karya dalam bahasa sumber dan seboleh mungkin menyampaikannya dalam gaya yang paling bersahaja tanpa menjejaskan maksud dan mutu teks asal”.

Kelayakan Menterjemah

Norizah (2008:12) menyenaraikan lima kelayakan menterjemah iaitu mengetahui bahasa sumber, mengetahui bahasa penerima, mengetahui bidang yang diterjemah, mengetahui teori dan amalan terjemahan dan bersikap terbuka ketika menterjemah untuk mengelakkan sikap peribadi mempengaruhi terjemahan. Newmark (1992:218) menegaskan penguasaan dalam bahasa penerima adalah lebih diutamakan untuk menghindari kesilapan ketika menterjemah. Mohd Bahir (2009:39) menambah bahawa penterjemah yang menterjemah bahasa Arab ke bahasa Melayu mesti mendalami semua cabang ilmu bahasa Arab termasuklah balaghah, merujuk kamus-kamus utama, memahami konteks percakapan serta memberi perhatian terhadap istilah khusus dalam agama Islam.

Gaya Bahasa Pengkhususan Dalam Bahasa Arab

Pengkhususan dinamakan *al-ḥaṣr* atau *al-qaṣr* atau *al-ikhtisāṣ* dalam ilmu balaghah. Pengkhususan secara amnya bermaksud membataskan dan menghadkan. Pengkhususan dalam istilah balaghah bermaksud mengkhususkan sesuatu yang ingin dikhususkan (dinamakan *maqṣūr*) dengan suatu fokus pengkhususan (dinamakan *maqṣūr ‘alayh*) dengan menggunakan cara tertentu (al-Maydānīy, 1996:228).

Fungsi pengkhususan dalam komunikasi adalah untuk meringkaskan dua pernyataan iaitu memperakukan serta menafikan sesuatu perkara dalam ayat yang ringkas secara serentak, mengukuhkan suatu maklumat dalam sanubari pendengar serta menghapuskan keraguan dan membetulkan salah sangka pendengar. Contoh ayat yang mengandungi pengkhususan ialah ﴿

اللَّهُ يَعْلَمُ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُ yang maksudnya: “Tiada yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah” (‘Atiq, 2004:125).

Gaya bahasa pengkhususan dihasilkan dengan menggunakan enam jenis tataqasar (طُرُقُ) (إِنَّمَا), iaitu penafian dan pengecualian (النَّفْيُ وَالِاسْتِثْنَاءُ), penggunaan partikel *innamā* (إِنَّمَا), penggunaan partikel ‘*af* (لَا، لَكِنْ، بَلْ)، pendepanan (التَّقْدِيمُ), pengekhasan pesandar (تَعْرِيفُ) dan penggunaan kata ganti pemisah (ضَمِيرُ الْفَصْلِ).

Dua perkara pokok yang sering dibincangkan dalam bab pengkhususan ialah jenis dan penentuan *maqṣūr ‘alayh*³. Pengkhususan dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut pengkelasan tertentu. Antara pengkelasan itu ialah berdasarkan umum atau khusus sesuatu penafian. Sekiranya perkara yang ingin dinafikan melalui pengkhususan itu bersifat umum dan penafian meliputi semua, jenis pengkhususan itu dipanggil “*qaṣr ḥaqīqī*”. Allah SWT berfirman dalam ayat ke-5 dari surah al-Fātiḥah:

إِنَّا لَكَ نَعْبُدُ وَإِنَّا لَكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan”. Sembahan dan tempat memohon pertolongan dikhususkan kepada Allah sahaja dengan menafikan semua pihak lain. Sekiranya penafian itu menafikan perkara yang tertentu sahaja bukan semua perkara dinamakan “*qaṣr idāfī*”, Allah SWT berfirman dalam ayat ke-144 dari surah āli-‘Imrān:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: “Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang rasul (yang telah mati atau terbunuh)”. Dalam ayat tersebut nabi Muhammad SAW. dikhususkan sebagai utusan Allah dan dinafikan dari sangkaan para sahabat bahawa baginda boleh hidup kekal dan tidak akan mati.

Qaṣr ḥaqīqī terbahagi kepada dua bahagian iaitu *taḥqīqī* sekiranya pengkhususan itu benar-benar berlaku dalam realiti sebenar dan *iddi ‘āī* sekiranya pengkhususan itu berlaku mengikut andaian dan dakwaan penutur sahaja. Manakala *qaṣr idāfī* terbahagi kepada tiga bahagian mengikut tahap penerimaan pendengar terhadap pengkhususan itu. Sekiranya pendengar menyangka suatu hukum disabitkan kepada banyak pihak maka diucapkan ayat yang mengandungi pengkhususan jenis “*ifrād*” untuk mengkhususkan hukum itu kepada satu pihak sahaja. Pendengar yang menyangka hukum yang berlawanan dari yang ingin disampaikan ditujukan kepadanya pengkhususan untuk membetulkan sangkaannya yang dinamakan jenis “*qalb*”. Pendengar yang ragu-ragu dalam memilih dibantu dengan pengkhususan jenis “penentuan” (*ta’yīm*) agar dapat menetapkan pengkhususan pada satu pihak sahaja.

Pengkhususan juga boleh dibahagikan mengikut keadaan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* antaranya jenis sifat-mawṣūf seperti ayat إِنَّمَا الرَّاغِقُ اللَّهُ yang maksudnya: “Hanya Allahlah pemberi rezeki” atau jenis mawṣūf-sifat seperti ayat مَا شَوْقِي إِلَّا شَاعِرٌ yang maksudnya: “Bukanlah Shawqī kecuali seorang penyair”.

3) untuk maklumat lanjut sila rujuk al-Jurjānīy (1981:252–274); Abū Mūsā (1987:31-183), al-Hāshimīy (1994:154-169), Fayyūd (1998:63-72) al-Marāghīy (2000:185–195); ‘Atīq (2004:119–134).

Dalam bab pengkhususan mengenal pasti fokus pengkhususan adalah penting. Dalam ayat مَا إِلَّا مُحَمَّدٌ إِلَّا خَاتَمُ الْأَنْبِيَاءِ yang maksudnya: “Bukanlah nabi Muhammad SAW itu kecuali nabi yang terakhir”, nabi Muhammad SAW dikhususkan sebagai nabi yang terakhir, maka fokus pengkhususan yakni *maqṣūr ‘alayh* ialah sifat sebagai nabi yang terakhir (خَاتَمُ الْأَنْبِيَاءِ). Dalam ayat yang mengandungi partikel *innamā* seperti إِنَّمَا إِلَهُكُمُ وَاحِدٌ yang maksudnya: “Tuhan kamu semua hanyalah satu (yakni Allah)”, fokus pengkhususan ialah sifat satu (وَاحِدٌ). Ayat yang mengandungi partikel *lā* seperti لَا مُعَلِّمَ لَكَ خَالِدٌ مُّهْنِدِسٌ yang maksudnya: “Khalid seorang jurutera bukan guru”, fokus pengkhususan ialah sifat sebagai jurutera (مُهْنِدِسٌ). Ayat yang mengandungi pendepanan seperti عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ yang maksudnya: “Hanya kepada Allah aku bertawakkal”, pengkhususan difokuskan kepada Allah s.w.t (عَلَى اللَّهِ). Manakala ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar dan kata ganti pemisah seperti أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ yang maksudnya: “Hanya engkau (Allah) yang Maha Mengetahui perkara ghaib”, fokus pengkhususan ialah perkataan “engkau” (إِنَّكَ).

Gaya Bahasa Pengkhususan Dalam Bahasa Melayu

Tiada tajuk khas mengenai pengkhususan dalam bahasa Melayu namun tajuk yang paling hampir ialah kata penegas dan kata pemerih yang merupakan pecahan dari kata tugas. Satu lagi cara penegasan ialah dengan menghasilkan ayat songsang.

Kata Penegas

Kata penegas menurut Nik Safiah (2008:262) berfungsi untuk memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Terdapat dua jenis kata penegas iaitu: pertama menegaskan frasa predikat sahaja melalui partikel “kah”, “tah” dan “lah” dan kedua menegaskan subjek atau predikat ayat melalui perkataan “juga”, “jua”, “pun”, “lagi” dan “memang”. Asmah (2008:157) menegaskan partikel “lah” mesti diletakkan selepas subjek ayat untuk menghasilkan penegasan contohnya: “*Orang itulah bapanya*”. Manakala kata penegas kedua bebas diletakkan dalam subjek atau predikat contohnya: “*Hanya dia sahabat karib saya*” dan “*Barang itu hanya boleh dibeli di kedai*”. Kata “hanya” dan “sahaja” juga menunjukkan makna “pembatas”. Biasanya “sahaja” diletakkan di belakang kata yang hendak dibatasinya dari segi makna sedangkan “hanya” diletakkan sebelum unsur berkenaan contohnya “*Tidak ada orang di rumah itu. Dia hanya tinggal seorang diri*” dan “*Tidak ada orang di rumah itu. Dia tinggal seorang diri sahaja*”.

Kata Pemerih

Kata pemerih berfungsi untuk memperih atau menjadi perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat dengan menggunakan perkataan “ialah” atau “adalah”. Fungsi kata pemerih dalam bahasa Melayu bukan untuk menegaskan tetapi untuk pemerihan namun penulis membincangkannya kerana kata ganti pemisah diterjemahkan oleh (TPR) dengan perkataan “adalah” dalam ayat berikut: “Sesungguhnya engkau (Syuaib) adalah orang yang penyabar”. Manakala (TNI) menterjemah kata ganti pemisah kepada perkataan “ialah” dalam ayat berikut: “Tuhan engkau itu ialah tuhan yang sangat kuat lagi yang menang pada tiap-tiap sesuatu”.

Asmah (2008:159) berpendapat “ialah” dan “adalah” boleh bertukar ganti dengan bebas dalam ayat tanpa syarat. Manakala Nik Safiah (2008:264) pula menjelaskan “ialah” bertugas untuk memperihal secara persamaan antara subjek dengan predikat atau ekuatif contohnya: “*Harimau ialah sejenis haiwan liar*”. Perkataan “adalah” pula memperihal secara huraian tentang subjek oleh predikat seperti: “*Makanan seimbang adalah baik untuk kesihatan*”.

Ayat Songsang

Dalam susunan ayat biasa selalunya subjek mendahului predikat. Sedangkan dalam susunan songsang, unsur-unsur dalam konstituen predikat yang biasanya hadir selepas subjek dipindahkan ke hadapan subjek. Unsur yang dihadapankan itu ingin diberi penegasan dan penekanan. Jenis pendepanan dan contoh ayat yang dihadapankan ditunjukkan dalam Jadual 9.1.

Jadual 9.1: Jenis Pendepanan Dalam Bahasa Melayu Serta Contoh Ayat Dalam Susunan Biasa Dan Susunan Songsang

Jenis pendepanan	Susunan ayat	
	Ayat biasa	Ayat songsang
Seluruh predikat	Orang itu sangat rajin	Sangat rajin orang itu
	Bapa saya dia	Dialah bapa saya
Sebahagian predikat	Barang-barang itu untuk ibu	Untuk ibu barang-barang itu
	Mereka bekerja setiap hari	Bekerja mereka setiap hari

Dapatan Kajian

Penulis telah menemui ayat yang mengandungi pengkhususan dalam 42 tempat. Terdapat lima jenis tataqasr dalam surah Hūd iaitu penafian dan pengecualian, partikel *innamā*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti pemisah. Partikel ‘*aff* tiada dalam surah Hūd. Jadual 10.1 menunjukkan bentuk terjemahan ayat yang mengandungi pengkhususan dan kekerapannya dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman (TPR), al-Qur’an Rasm Uthmani (AQRU) dan Tafsir Nūr al-Ihsān (TNI).

Jadual 10.1 Bentuk Terjemahan Ayat Yang Mengandungi Pengkhususan Dan Kekerapannya Dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman, al-Qur’an Rasm Uthmani Dan Tafsir Nūr al-Ihsān

Bentuk terjemahan	TPR	%	AQRU	%	TNI	%
penafian + pengecualian	16	59.3	11	40.7	23	85.2
penafian + pengecualian + kata penegas	5	18.5	1	3.7	4	14.8
Pendepanan perkataan	1	11.1	6	66.7	6	66.7
Pendepanan perkataan + kata penegas	8	88.9	2	22.2	3	33.3
Ialah/adalah	1	33.3	-	-	1	33.3
Kata penegas (hanya/jua/ “lah”)	9	21.4	16	38	3	2.4
Tidak diterjemahkan	-	-	6	14.3	1	2.4

Perbincangan

Perbincangan jenis terjemahan dalam ketiga-tiga tafsir tersebut dapat dikelaskan kepada dua bahagian iaitu: terjemahan yang memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan dan terjemahan yang tidak memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan.

Terjemahan Yang Memperlihatkan Gaya Bahasa Pengkhususan

a) Kata Penegas “hanya”, “jua” Dan “lah”

b)

Perkataan-perkataan tersebut walaupun berfungsi untuk menegaskan tetapi dapat diterima kerana pengkhususan berfungsi untuk menegaskan dan mengukuhkan sesuatu. Mengikut konsep “persamaan terdekat” perkataan tadi adalah terjemahan paling hampir bagi semua jenis tataqashar. Perkataan “hanya” dan “jua” seakan-akan menonjolkan unsur memperakui dalam gaya bahasa pengkhususan. Bentuk terjemahan ini menepati pandangan sarjana balaghah (al-Sakkākiy, 2000:404) yang mengatakan unsur memperaku dalam kebanyakan tataqashar adalah jelas tetapi unsur penafian adalah tersirat.

(AQRU) paling kerap menggunakan perkataan-perkataan tersebut iaitu sebanyak 38% ketika menterjemah penafian dan pengecualian dan partikel *innamā*. Seterusnya diikuti oleh (TPR) dengan penggunaan sebanyak 21.4% dan (TNI) hanya menggunakannya sebanyak tiga kali sahaja dalam 42 tempat.

b) Penafian Dengan Pengecualian

Ketiga-tiga terjemahan lebih banyak mengekalkan bentuk asal penafian dan pengecualian dalam bahasa Arab. Partikel nafi diterjemahkan sebagai “tidak, tiada atau jangan”, manakala partikel *illā* diterjemahkan sebagai “kecuali, melainkan selain atau lain daripada”. Terjemahan langsung ini dapat difahami dalam bahasa Melayu dan boleh menunjukkan makna pengkhususan dalam ayat contohnya ayat ke-2 (أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ) diterjemahkan oleh ketiga-tiga tafsir seperti berikut:

TPR : **Janganlah** kamu menyembah sesuatupun **melainkan** Allah.

AQRU : **Jangan** kamu sembah **selain** Allah.

TNI : **Jangan** kamu sembah **melainkan** Allah Ta'ālā semata-mata.

Bentuk terjemahan langsung ini paling banyak digunakan oleh (TNI) iaitu sebanyak 85.2% dan diikuti oleh (TPR) dan seterusnya oleh (AQRU).

c) Penafian Dan Pengecualian Yang Digabung Dengan Kata Penegas

Terjemahan penafian dan pengecualian yang digabungkan dengan kata penegas lain adalah bertujuan untuk menimbulkan kesan yang sama dengan kesan yang dialami oleh pembaca teks asal. Memandangkan gaya bahasa pengkhususan mengandungi dua unsur utama iaitu memperaku dan menafikan, maka kedua-dua unsur itu mesti dirasai oleh pembaca ketika membaca terjemahan itu. Ayat ke-40 diterjemahkan dalam (TPR) dengan “tidak ada orang-orang yang beriman yang turut bersama-samanya melainkan sedikit sahaja”. Ungkapan “tidak...melainkan...” memperakui golongan yang menaiki bahtera Nabi Nuh AS adalah sedikit. Perkataan “sahaja” membataskan perkataan “sedikit” dan mengukuhkan lagi makna pengkhususan. Namun malangnya bentuk terjemahan yang sangat baik ini tidak kerap digunakan oleh ketiga-tiga tafsir.

d) Pendepanan Perkataan Yang Digabung Dengan Kata Penegas

Bentuk terjemahan yang menggabungkan pendepanan perkataan dengan kata penegas seperti “lah” dan “jua” adalah sangat baik dan dapat menghasilkan kesan yang serupa dengan kesan yang dialami oleh pembaca teks asal. Antara contoh terjemahan tersebut ialah ayat ke-123: (وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأُمُورُ كُلُّهَا). Terjemahan ayat tersebut dari (TPR) dan (TNI) ialah:

- TPR : **KepadaNyalah** dikembalikan segala urusan
 TNI : **KepadaNya jua** dikembali kerajaan sekalian dunia akhirat

Terjemahan yang memperlihatkan makna pengkhususan ini paling banyak didapati dalam (TPR) iaitu sebanyak 88.9%, manakala dalam (TNI) sebanyak 33.3% dan (AQRU) sebanyak 22.2%.

Terjemahan Yang Tidak Memperlihatkan Gaya Bahasa Pengkhususan

a) Pendepanan Perkataan

Proses pendepanan dalam bahasa Arab tidak dihasilkan melalui partikel tertentu tetapi diketahui melalui susunan ayat. Antara contoh ayat yang diterjemahkan dengan mendepankan perkataan sahaja ialah ayat ke-4: (إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ) . Terjemahan (AQRU) dan (TNI) bagi ayat tersebut ialah:

- AQRU : **Kepada Allah** tempat kembali kami
 TNI : **Kepada Allah Ta'ālā** tempat kembali

Pendepanan perkataan dalam bahasa Melayu hanya bermaksud penegasan. Oleh itu pendepanan perkataan sahaja tidak dapat melambangkan gaya bahasa pengkhususan dalam bahasa Arab.

b) Penggunaan Kata “tidak” Dan “tiada” Dalam Pendepanan Kata Ganti

Pendepanan kata ganti yang didahului oleh kata nafi dalam ayat ke-86 (وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيظٍ) diterjemahkan oleh ketiga-tiga tafsir seperti berikut:

- TPR : **Aku bukanlah** orang yang menjaga dan mengawasi perbuatan kamu
 AQRU : **Aku tidak** menjamin tingkah laku kamu
 TNI : **Tiada aku** atas kamu itu dengan pelihara intai kamu

Dalam ayat tersebut partikel nafi *mā* menafikan kata ganti *anā*. Terjemahan (TPR) adalah lebih baik kerana kata “bukan” menafikan hakikat pada ganti nama diri dan kata nama. Kata “bukan” biasanya wujud dalam ayat yang terdiri daripada dua klausa contohnya: “Saya penyelidik sahaja, bukan pakar”. Manakala kata “tidak” menafikan hakikat pada kata kerja dan kata adjektif (Asmah,2008:142). Contoh ayat tadi adalah mirip dengan ayat pengkhususan dalam bahasa Arab. Terjemahan (AQRU) “Aku tidak menjamin” menafikan kata kerja bukannya kata ganti. Terjemahan ini kurang menepati maksud pengkhususan dalam ayat asal. Manakala kata “tiada” dalam (TNI) jarang digunakan pada zaman ini.

c) Perkataan “ialah” Dan “adalah”

Penterjemah (TPR) menterjemah kata ganti pemisah *anta* dalam ayat ke-87 (إِنَّكَ لَأَنْتَ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ) dengan perkataan “adalah” iaitu: “Sesungguhnya engkau (Syuaib) adalah orang yang penyabar, lagi bijak berakal”. Manakala ayat ke-66 (إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ) kata ganti pemisah *huwa* diterjemah oleh (TNI) dengan perkataan “ialah” iaitu: “Tuhan engkau itu ialah tuhan yang sangat kuat lagi yang menang pada tiap-tiap sesuatu”. Kedua-dua perkataan “ialah” dan “adalah” berfungsi untuk memperihal dan menjelaskan sesuatu. Pemilihan dua perkataan tadi tidak dapat memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan kerana tidak menepati kaedah tatabahasa bahasa Melayu.

d) Gaya Bahasa Pengkhususan Tidak Diterjemahkan

Terjemahan (AQRU) telah mengabaikan gaya bahasa pengkhususan dalam enam tempat, iaitu tiga tempat bagi kata ganti pemisah, satu tempat bagi partikel *innamā* dan satu tempat bagi penafian dan pengecualian. Antara contoh penafian dengan pengecualian yang tidak diterjemahkan ialah dengan membandingkan terjemahan ayat ke-54 (إِنْ نَقُولُ إِلَّا اعْتَرَاكَ بَعْضُ آلِهَتِنَا بِسُوءٍ) antara AQRU dengan TPR iaitu:

- TPR : Kami **hanya** boleh berkata bahawa setengah dari tuhan-tuhan kami telah mengenakanmu sesuatu penyakit gila (disebabkan engkau selalu mencaci penyembahan kami itu)
 AQRU : Kami menduga, sembahkan kami telah menimpakan cedera padamu

Terjemahan (AQRU) mengabaikan terus fungsi kata nafi dengan kecuali kerana hanya dinyatakan Nabi Hud AS telah dicerderakan oleh berhala yang disembah kaumnya. Tindakan ini menjejaskan makna pengkhususan yang terkandung dalam teks asal.

Terjemahan (TPR) yang menggunakan perkataan “hanya” pula dapat mengkhususkan dan menegaskan yang berhala itulah yang menjadikan baginda gila.

Berdasarkan semua kriteria terjemahan di atas dapat disimpulkan perbandingan ayat yang menunjukkan gaya bahasa pengkhususan dan tidak menunjukkan gaya bahasa pengkhususan mengikut jenis tataqashar yang dipaparkan dalam Jadual 12.1.

Jadual 11.1: Bilangan Ayat Yang Memperlihatkan Gaya Bahasa Pengkhususan (√) Dan Tidak Memperlihatkan Gaya Bahasa Pengkhususan (⊗) Dalam Ketiga-tiga Tafsir.

Jenis tataqāṣar	jumlah	TPR		AQRU		TNI	
		√	⊗	√	⊗	√	⊗
Penafian dengan pengecualian	27	27	-	25	2	27	-
Partikel <i>innamā</i>	3	3	-	2	1	3	-
Pendepanan	9	8	1	3	6	3	6
Kata ganti pemisah dan pengekhasan pesandar	3	2	1	-	3	1	2
Jumlah	42	40	2	30	12	34	8

Kesimpulan

Setelah membandingkan antara ketiga-tiga tafsir, (TPR) didapati paling berjaya memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan kerana 95% dari terjemahannya menggunakan kata penegas. Seterusnya (TNI) yang dapat menterjemahkan makna pengkhususan sebanyak 90.5% dan (AQRU) hanya menterjemah sebanyak 71.4%. Terjemahan ayat yang menggunakan penafian dan pengecualian dan partikel *innamā* didapati paling baik memperlihatkan gaya bahasa pengkhususan. Hal ini disebabkan kedua-duanya disebut dengan jelas dalam ayat. Manakala pendepanan dan kata ganti pemisah hanya dapat dikesan setelah memahami susunan ayat. Penterjemah (TPR) telah mengambilkira gaya bahasa pengkhususan dan melakukan penyesuaian dalam struktur ayat namun tidak meliputi semua ayat. Begitu juga dengan penterjemah (TNI) namun penterjemah lebih cenderung menggunakan terjemahan literal dari teks asal. Terjemahan literal menjadikan teks terjemahan kedengaran ganjil. Penterjemah (AQRU) pula kadang-kadang mengabaikan gaya bahasa pengkhususan kerana ingin menjadikan terjemahannya ringkas dan umum lalu memberikan intisari makna ayat sahaja.

Terjemahan penafian dan pengecualian secara langsung boleh diterima namun terjemahan yang terbaik ialah menggabungkannya dengan kata penegas contohnya “Jangan kamu sembah selain Allah sahaja”. Begitu juga terjemahan pendepanan sepatutnya digabungkan dengan kata penegas contohnya “Hanya kepada Allah Ta‘ālā tempat kembali”. Kata ganti pemisah sebaik-baiknya diterjemah kepada “hanya” dan “lah”. Terjemahan yang dicadangkan ialah “Sesungguhnya hanya engkaulah (Syaib) orang yang penyabar”.

Penterjemah al-Qur'an seharusnya meneliti gaya bahasa pengkhususan yang mengandungi unsur berperakui dan unsur penafian yang kadang-kadang tersurat atau kadang-kadang tersirat. Di samping itu sifat gaya bahasa ini yang ringkas dan padat mungkin menimbulkan salah faham makna jika tidak diterjemah dengan baik. Terjemahan yang baik dan berkualiti bukan sahaja boleh menarik minat orang Islam agar mendalami dan menghayati isi kandungan al-Qur'an bahkan juga dapat menyumbang kepada penyebaran dakwah Islam dalam kalangan bukan Islam. Usaha untuk meningkatkan kualiti penterjemahan al-Qur'an al-Karim sepatutnya diteruskan tanpa meminggirkan seni dan keindahan gaya bahasa al-Qur'an itu sendiri.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim.

Abdullah Hassan & Ainon M. (2001). *Teori dan Teknik Terjemahan* (1st ed.). Kuala Lumpur: PTS Publications.

Abū Mūsā, M. M. (1987). *Dilālāt al-Tarākīb Dirāsah Balāghīyah* (2nd ed). Kaherah, Mesir: Dār al-Taḍāmun.

Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini* (1st ed.). Kuala Lumpur: PTS Professional.

‘Atīq, ‘Abd al-‘Azīz. (2004). *‘Ilm al-Ma‘anī*. Kaherah, Mesir: Dār al-Āfāq al-‘Arabīyah.

‘Aṭr, Nūru’l-Dīn. (1993). *‘Ulūm al-Qur’ān al-Karīm* (1st ed.). Damsyik: Maṭba‘at al-Qabl.

Basmeih, A. (Ed.). (n.d.). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Fayyūd, Basyūnī. ‘Abd al-Fattāh. (1998). *Dirāsah Balāghīyah* (1st ed). Kaherah, Mesir: Muassah al-Mukhtār.

al-Hāshimīy, A. (1994). *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma‘anī wa al-Bayān wa al-Badī‘*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.

al-Jurjānīy, ‘Abd al-Qāhir. (1981). *Dalāil al-Ijāz*. (Muḥammad Rashīd Riḍā, Ed.) (2nd ed.,). Beirut, Lubnan: Dār al-Ma‘rifah.

Mahadi Dahlan & Azharuddin Sahil. (2006). *al-Quran Rasm Uthmani Jilid 4 (Bertajwid dan Disertai Makna)*. (W. N. W. Abdullah, Ed.) (1st ed.). Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Ibn Manẓūr al-Afriqī, Jamālu’l-Dīn. (1990). *Lisān al-‘Arab jilid 5*. Beirut, Lubnan: Dār Ṣādir.

al-Marāghīy, Muṣṭafā. (2000). *‘Ulūm al-Balāghah* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Āfāq al-‘Arabīyah.

al-Maydānīy, ‘Abd al-Raḥmān. (1996). *al-Balāghah al-‘Arabīyah Ususuhā wa ‘Ulūmuhā wa Funūnuhā* (1st ed.,). Damsyik: Dār al-Qalam.

Mohd Bahauddin Husin. (2006). Tarjamah al-Qur’ān al-Karīm Ḥukmuhā wa Ārā’ al- ‘Ulamā’ fīhā *Universiti Islam Antarabangsa Chittagong*, 3, 133–144.

Mohd Bahir Abdullah. (2009). *al-Manhaj al-Lughawī fī al-Tarjamah* (1st ed.). Alor Setar: Kolej Universiti Insaniah.

Mohd Said bin Omar. (n.d.). *Tafsir Nūr al-Iḥsān Jilid 2* (3rd ed.). Percetakan al- Maarif.

Newmark, Peter. (1992). *Pendekatan Penterjemahan terjemahan Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman* (1st ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nida, Eugene & Taber. (2003). *The Theory and Practice of Translation* (4th ed.). Leiden: Koninklijke Brill NV.

Nik Safiah Karim & Farid Md Onn. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (1st ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norizah Ardi. (2009). *Pengantar Prinsip Penterjemahan*. Shah Alam: August Publishing.

al-Sakkākīy, Abū Yūsuf. (2000). *Miftāḥ al-'Ulūm*. ('Abd al-Ḥamīd Handāwī, Ed.) (1st ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.

al-Suyūṭīy, Jalālu'l-Dīn. (1987). *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān jilid 2*. (al-Bughā, Muṣṭafā Dīb, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār Ibn Kathīr.